

KENYATAAN SEBUTHARGA
TARIKH IKLAN : 01/05/2023

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor Bumiputra sahaja yang berdaftar dengan CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor dan telah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam Gred, Kategori, dan Pengkhususan yang berkaitan yang dimiliki 100% rakyat tempatan dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja seperti :-

BIL	BIL. SEBUTHARGA DAN TAJUK PROJEK	GRED	KATEGORI & PENGKUSUSAN SERTA DAERAH DIDAFTARKAN	TARIKH/MASA/ TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH/WAKTU/ TEMPAT SEBUTHARGA DITUTUP
1	PPN.PK (S) 86/2023 SKH KERJA-KERJA PEMASANGAN PALANG BESI DAN PAGAR SERTA PAPAN TANDA LARANGAN MEMASUKI HUTAN SIMPAN DI KAWASAN HOTSPOT SEPANJANG LEBUHRAYA TIMUR- BARAT YANG MELIBATKAN HUTAN SIMPAN AMANJAYA DAN HUTAN SIMPAN KENDERONG, DAERAH HULU PERAK, GERIK.	G1	Kategori CE Pengkhususan CE21	09/05/2023 Jam 10.00pg - 11.00pg PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK	17/05/2023 Jam 12.00 tengahari Bilik Tender, Aras Bawah Jabatan Perhutanan Negeri, Persiaran Meru Utama , Perak Darul Ridzuan, Ipoh.
					<i>*Sebutharga yang lewat , tidak akan diterima</i>

- 1 Kontraktor-kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan ke tapak bina. Tempat-tempat berkumpul dan tarikh/masa lawatan ke tapak bina berkenaan adalah seperti yang ditetapkan di atas.

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak/taklimat sebutharga.

- 2 Borang sebutharga akan dijual dengan harga RM 20.00 kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB dan Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Borang sebutharga boleh didapati/dibeli sehingga satu hari sebelum tarikh tutup sebutharga.
- 3 Semua bayaran hendaklah dalam bentuk Wang Pos, Kiriman Wang atau Bank Deraf atas nama "BENDAHARI NEGERI ".
- 4 Dokumen sebutharga boleh dibeli mulai 10 MEI 2023 hingga sehari sebelum tarikh tutup sebutharga pada waktu pejabat di Seksyen Kejuruteraan Hutan, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020. Ipoh, Perak.
- 5 Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis dipenjuru kanan sampul surat, no. sebutharga dan dialamatkan seperti dibawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Bilik Tender, Aras Bawah, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya 30020 Ipoh sebelum atau pada 17 MEI 2023 pada jam 12.00 tengahari.

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK

- 6 Syarikat/Kontraktor/Pembekal hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum membeli dokumen sebutharga.
- 7 Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.


Timbalan Pengarah (Pembangunan)
SITI DESSY BINTI ISNANI
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan